



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 MEI 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **74 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,776 kes** (73.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Ini bermakna, jumlah kes yang didiscaj pada hari ini adalah hampir dua kali ganda kes baharu disahkan COVID-19.

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 7 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **39 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,467 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,584 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 39 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **satu (1) kes import dilaporkan**. Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 38 kes, di mana sebanyak 8 kes telah dikesan dari kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sehingga kini, seramai **19 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, lapan (8) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **107 kes** (1.65 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

### **SAMBUTAN HARI WESAK, 7 MEI 2020**

KKM ingin menzahirkan selamat Hari Wesak pada hari ini iaitu, 7 Mei 2020 kepada semua penganut agama Buddha di Malaysia, terutamanya petugas kesihatan dan juga anggota barisan hadapan.

Lazimnya sempena Hari Wesak, penganut ajaran Buddha akan mengunjungi kuil Buddha bersama-sama keluarga pada waktu pagi untuk upacara keagamaan. Walaupun perhimpunan secara besar-besaran dan aktiviti kunjung-mengunjungi tidak dibolehkan pada masa kini, namun begitu sambutan Hari Wesak pada kali ini masih boleh diraikan dengan norma dan kelaziman baharu.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih perlu dipatuhi, pastikan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain dan tidak mengadakan atau menyertai sambutan secara beramai-ramai.

### **KLUSTER PENGAWAL KESELAMATAN CHERAS**

KKM telah mengenalpasti satu kluster yang melibatkan pengawal dan anggota keselamatan di sebuah pusat beli-belah di Cheras, Kuala Lumpur. Sehingga 7 Mei 2020 jam 12 tengah hari, sebanyak sepuluh (10) kes positif COVID-19 telah dilaporkan dalam kluster ini yang melibatkan sembilan (9) warganegara Nepal dan seorang warganegara Malaysia.

Punca jangkitan bagi kluster ini masih di dalam siasatan. Langkah-langkah pembendungan dan pencegahan seterusnya telah diambil seperti mengenalpasti dan menjalankan ujian saringan COVID-19 ke atas semua pekerja dan kontak rapat mereka.

Kesemua kes warganegara Nepal dalam kluster ini tinggal di kediaman yang sama di Cheras. Saringan COVID-19 telah dijalankan ke atas penghuni kediaman mereka, pengawal dan anggota keselamatan di pusat membeli-belah tersebut, dan juga pekerja pasaraya yang berkait rapat. Setakat ini, seramai 436 orang telah disaring, di mana 10 kes didapati positif, 347 kes negatif dan 79 orang masih menunggu keputusan.

Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Cheras dan Titiwangsa akan terus menjalankan pemantauan ke atas kenaikan kes COVID-19 berkaitan kluster ini. Kesemua kontak rapat setiap kes telah dipanggil untuk tujuan saringan dan pendidikan kesihatan juga telah diberikan.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Para majikan pelbagai sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi perlulah patuh kepada syarat-syarat dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berdasarkan sektor masing-masing.

Tambahan pula, adalah amat penting bagi majikan dan semua pekerja supaya sentiasa ikut amalan yang betul di tempat kerja masing-masing seperti:

- Elakkan berada di kawasan yang sesak (*crowded space*);
- Elakkan berada di kawasan yang tertutup (*confined space*) secara beramai-ramai pada masa yang sama, seperti di ruang makan (*pantry*) di tempat kerja;
- Kekalkan jarak 1 meter ketika cakap bersemuka dengan orang lain (*close conversation*).

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu

juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

7 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 7 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	95
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	253
<b>SELANGOR</b>	16	1,580
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	600
<b>MELAKA</b>	1 (1)	209
<b>JOHOR</b>	0	667
<b>PAHANG</b>	0	305
<b>TERENGGANU</b>	0	110
<b>KELANTAN</b>	0	155
<b>SABAH</b>	1	317
<b>SARAWAK</b>	1	537
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	20	1,398
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	86
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>39 (1)</b>	<b>6,467</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import